

Pemuda UMNO kecam 9 menteri

UM - 21/1/2006

PIRDAUS ISMAIL
Exco Pemuda UMNO

Perbuatan menteri Kabinet itu juga mencerminkan 'rasa tidak hormat' kepada Perdana Menteri.

PUTRAJAYA 20 Jan. - Pergerakan Pemuda UMNO mengecam tindakan sembilan menteri Kabinet menyerahkan memorandum meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyemak semula undang-undang berkaitan pertukaran agama.

Sambil menyifatkan tindakan menteri-menteri itu tidak wajar, tidak matang dan amat memalukan, Ahli Exco Pemuda UMNO, Datuk Pirdaus Ismail meminta Perdana Menteri supaya tidak melayan memorandum tersebut.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mengadakan perbincangan dengan kepimpinan tertinggi Pemuda UMNO di sini hari ini, Pirdaus menegaskan:

- Tindakan itu menggambarkan seolah-olah mereka tidak berada dalam barisan Kabinet yang dilantik oleh Perdana Menteri. Sebagai menteri Kabinet mereka mestilah berpegang dan akur kepada prinsip dan tanggungjawab bersama.
- Mereka sewajarnya menggunakan saluran yang sedia ada seperti mesyuarat Kabinet dan mesyuarat komponen parti Barisan Nasional (BN) untuk mengemukakan pandangan mereka.
- Tindakan menghantar memorandum telah merendahkan martabat mereka sebagai menteri-menteri Kabinet yang sentiasa berpeluang untuk menyatakan pandangan melalui saluran yang betul.
- Tindakan mereka tidak bersikap telus dan tidak mendedahkan isi kandungan memorandum itu telah menimbulkan pelbagai prasangka dan seolah-olah mempertikaikan kesucian dan kedudukan agama Islam yang dijamin dalam Perlembagaan.
- Isu-isu agama dan kesucian Islam sentiasa menjadi perkara sensitif kepada masyarakat majmuk

seperti rakyat Malaysia.

- Justeru, Pemuda UMNO menganggap tindakan menteri berkenaan amat menyentuh sensitiviti umat Islam dan menggambarkan sikap tidak bertanggungjawab sebagai menteri Kabinet.
- Pemuda UMNO akan tetap mempertahankan kesucian dan martabat agama Islam sebagaimana yang telah termaktub dalam Perlembagaan dan tidak akan membenarkan sebarang pihak mence-markannya.

Agenda

Pirdaus turut melahirkan rasa hairan kerana dalam isu pertukaran agama, kesemua menteri bukan Islam itu mengemukakan memorandum tetapi tidak berbuat demikian dalam isu lain, menggambarkan seolah-olah mereka mempunyai agenda tersembunyi.

"Perbuatan menteri Kabinet itu juga mencerminkan 'rasa tidak hormat' kepada Perdana Menteri.

"Apa yang mereka lakukan tidak ubah seperti parti pembangkang atau pertubuhan bukan kerajaan," ujarnya.

Beliau berkata, tidak pernah berlaku dalam sejarah, menteri-menteri Kabinet menghantar memorandum seumpama itu kepada Perdana Menteri.

Apa itu?

PERKARA 121 (1A) (Kuasa-Kuasa Kehakiman bagi Persekutuan) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

- Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.
- Tujuan peruntukan undang-undang ini untuk mengelak percanggahan atau pertindihan antara keputusan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Tinggi (Bahagian Sivil).

Kesimpulan: Mahkamah Syariah diberi kuasa penuh dan kepercayaan menyelesaikan dan memutuskan perkara di bawah bidang kuasanya.